

**ODATA**  
**KETUA PENGARAH**  
**PERKHIDMATAN**  
**AWAM BAHARU**

**DATUK SERI ZAINAL**  
**RAHIM SEMAN**

UMUR: 59 tahun

TEMPAT LAHIR: Felda Sungai  
Behrang, Slim River, Perak

**KELULUSAN:**

- › Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah Eropah dan Sosiologi) (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- › Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Sains Malaysia (USM)
- › Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam Universiti Syracuse, Amerika Syarikat.

**JAWATAN PERNAH**

**DISANDANG:**

- › Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
- › Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Perkhidmatan Awam
- › Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
- › Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang



- › Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- › Ketua Penolong Pengarah, Unit Majlis Bersama Kebangsaan, Bahagian Saraan, JPA
- › Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Organisasi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

**JAWATAN KERJA-KERJA**  
**SOSIAL/KEBAJIKAN:**

- › Kolonel (Kehormat) Pendukung Askar Wataniah
- › Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik Malaysia (PPTD)

## Zainal Rahim Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**PUTRAJAYA 16 Jan.** - Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Seri Zainal Rahim Seman dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang baru berkuat kuasa hari ini.

Zainal Rahim, 59, menggantikan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal yang tamat tempoh kontrak pada 31 Disember tahun lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dalam satu kenyataan hari ini berkata, Zainal Rahim mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan awam selama lebih 33 tahun apabila mula menyertai perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 9 Januari 1984.

“Beliau berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran tanah dan daerah, pengurusan sumber

manusia dan pengurusan projek pembangunan,” katanya.

Zainal Rahim berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah Eropah dan Sosiologi) (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Sains Malaysia (USM) serta Universiti Syracuse, Amerika Syarikat.

Selain Ketua Pengarah MAMPU, Zainal Rahim juga pernah menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menerusi kenyataan itu, Ali juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mohamad Zabidi di atas sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada perkhidmatan awam dan negara selama lebih 35 tahun.